

**MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
PERAK DARUL RIDZUAN
JABATAN KEJURUTERAAN**

Bil:(6)dlm.MDBG.S9/2018

Tarikh: 22 Februari 2018

NOTIS SEBUTHARGA

(SEBUTHARGA: 7/2018)

SEBUTHARGA UNTUK KONTRAKTOR BERTARAF BUMIPUTERA SAHAJA

Sebutharga ini terbuka kepada kontraktor yang **berdaftar GST / tidak berdaftar GST** serta **bertaraf Bumiputera** sahaja yang layak dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut:-

BIL	BUTIR- BUTIR SEBUTHARGA	KELAYAKAN	BUTIR-BUTIR TAKLIMAT & LAWATAN TAPAK	TARIKH DAN WAKTU DOKUMEN DIJUAL	TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN WAKTU TAWARAN DITUTUP
1.	No Sebutharga: 7/2018 Projek: KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI TAMAN MEDAN PUSING, PUSING	GRED G2 Kategori CE Pengkhususan CE 01	Tempat Taklimat: Jabatan Kejuruteraan Aras 1, Majlis Daerah Batu Gajah Perak Darul Ridzuan. Tarikh: 28 Februari 2018 Jam: 9.30 Pagi Kehadiran : WAJIB	Tarikh Dijual: 28 Februari 2018 Waktu: 8.00 pg hingga 4.30 ptg (Isnin - Khamis) 8.00 pg hingga 12.00 t/hari 3.00 ptg hingga 4.30 ptg (Jumaat)	Jabatan Kejuruteraan Aras 1, Majlis Daerah Batu Gajah, Perak Darul Ridzuan. Harga Dokumen: RM50.00	Tarikh Tutup: 7 Mac 2018 Jam: 12.00 Tengahari

1. Lawatan ke tapak projek adalah **DIWAJIBKAN** kepada semua kontraktor yang berminat dengan kerja yang akan ditawarkan seperti di atas.
2. Kontraktor dikehendaki membawa **Sijil Pendaftaran Asal Kontraktor** dan dikemukakan semasa pendaftaran. (**Wakil tidak dibenarkan**).

3. Semua kontraktor hendaklah memastikan bahawa **Sijil CIDB dan Sijil Bhg. Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (PKK)** masih **berkuatkuasa** semasa menghadiri lawatan tapak dan juga semasa memasuki sebutharga tersebut. Jika tempoh telah **tamat** pihak kontraktor **tidak dibenarkan** untuk memasuki sebutharga ini.
4. Kontraktor dikehendaki melampirkan salinan **resit bayaran** pada setiap **borang sebutharga** yang berkenaan sebelum dimasukkan ke dalam **Peti Sebutharga**.
5. Semua borang sebutharga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUTHARGA, DI JABATAN KEJURUTERAAN, MAJLIS DAERAH BATU GAJAH, 31000 BATU GAJAH** seperti di atas.
6. Kontraktor yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh **MAJLIS DAERAH BATU GAJAH** sahaja yang **layak** untuk dipertimbangkan.
7. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima sebutharga yang terendah sekali atau mana-mana sebutharga yang disyorkan.



(SHAHIRI BIN TAN)

Setiausaha,
b/p Yang Dipertua
Majlis Daerah Batu Gajah.